

# Sebab UMNO stabil memerintah

B/M  
KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, UMNO dapat mewujudkan pemerintahan yang stabil kerana ia mengamalkan prinsip yang boleh diubahsuai mengikut keadaan dan masa.

Bagaimanapun, Pemangku Perdana Menteri merangkap Timbalan Presiden UMNO itu berkata, "kelonggaran" dalam prinsip UMNO tidak bermakna parti itu tidak mempunyai sebarang prinsip dalam perjuangannya.

Banyak negara di dunia kini menghadapi masalah ketidak-stabilan politik, jelasnya, akibat melaksanakan dasar pemerintahan yang berasaskan prinsip yang "terlalu keras".

"Apabila sesuatu parti politik bertindak sedemikian, kekuatannya akan mula berkurangan dan pemerintahan menjadi kucar-kacir," katanya merasmikan kursus politik Pergerakan Pemuda

Oleh BUSTAMAM AHMAD

UMNO Wilayah Persekutuan.

Datuk Seri Dr. Mahathir menambah, perjuangan UMNO tidak mungkin dapat mencapai matlamat yang ahli-ahlinya cita-citakan jika ia "terlalu keras" dalam pendiriannya mengenai sesuatu perkara.

"Bagaimanapun," tambah beliau, "kelonggaran dalam prinsip kita tidak bermakna UMNO tidak berprinsip langsung kerana kita menvedari hakikat

bahawa perjuangan politik yang tidak berprinsip adalah satu perkara yang sia-sia."

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir pucuk pimpinan UMNO telah banyak bertukar sejak ia ditubuhkan, tetapi parti itu terus berkembang serta berjaya mewujudkan pemerintahan stabil dan aman.

Kestabilan politik di Malaysia, katanya, menjadikan ia negara yang amat disegani oleh kebanyakan negara di dunia.

Beliau menjelaskan, bukti kelonggaran dalam prinsip UMNO dapat dilihat melalui kesediaannya bekerjasama dengan parti-parti yang ingin bekerjasama dengannya untuk mewujudkan pemerintahan aman dan stabil.

Beliau mengingatkan ahli-ahli UMNO agar jangan mudah menyalahkan golongan lain bila mereka berhadapan dengan sesuatu masalah.

Ketika diminta mengulas mengenai krisis yang berlaku di dalam DAP sekarang, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "Maaf, saya tidak mahu mengulas mengenainya dan nampaknya tidak ada berita untuk saudara-saudara hari ini."